



Maxis eKelas

LAMPIRAN FAKTA

Apakah Maxis eKelas

eKelas adalah program komuniti utama Maxis yang memperjuangkan pembelajaran digital untuk pelajar di kawasan luar bandar. Inisiatif pembelajaran digital selepas sekolah ini disediakan bagi pelajar dari Tahun 6 hingga Tingkatan 5, yang membawa pengayaan pembelajaran dengan cara yang menyeronokkan dan ceria melalui penyediaan akses kepada kandungan pendidikan berkualiti, selaras dengan Sukatan Pelajaran Malaysia. Memberi tumpuan pada Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, pelajar terdedah kepada pembelajaran pengalaman melalui gabungan tutorial langsung, pembelajaran kelompok, pertandingan dan kandungan digital. Maxis eKelas kini disampaikan di 72 Pusat Internet yang terletak di 10 negeri di Malaysia, dengan sasaran untuk mencapai lebih daripada 17,000 pelajar pada tahun 2020. Program ini dilaksanakan dengan perkongsian Maxis bersama MCMC, di Pusat Internet milik mereka yang berperanan sebagai hab digital untuk komuniti di kawasan pedalaman. Maxis eKelas telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran sebagai satu inisiatif di bawah *Highly Immersive Program*, di mana pelajar layak untuk mendapat mata kokurikulum daripada penyertaan mereka dalam eKelas.

Fakta dan Angka Maxis eKelas

Misi kami adalah untuk menyokong generasi akan datang bagi mencapai potensi sepenuhnya menerusi pendidikan digital dan memupuk pembangunan minda dan kemahiran untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dan berkembang maju pada masa akan datang.

Sebagai inisiatif selepas sekolah, eKelas bertujuan meningkatkan prestasi akademik pelajar di kawasan luar bandar di Malaysia. Melalui hab digital kami (www.ekelas.com.my), kami menawarkan:

- 1) Tutorial dalam talian langsung oleh guru berpengalaman
- 2) Kandungan peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM
- 3) Kandungan sukan pelajaran sekolah bagi pelajar Tahun 6 hingga Tingkatan 5

Pelajar kami didedahkan kepada suasana e-pembelajaran yang menyeronokkan & ceria bersama dengan sukarelawan Maxis melalui:

- 1) Bengkel drama bahasa Inggeris
- 2) Kem percutian eKelas
- 3) Klinik peperiksaan
- 4) Bengkel keselamatan internet dan sesi motivasi

Perkembangan Maxis eKelas

Impak

- Membawa impak kepada lebih 13,000 pelajar
- Disediakan di 72 Pusat Internet di 10 negeri, dan 20 buah sekolah di Malaysia
- 35 pelajar telah menerima eKelas Anugerah Gemilang (Geran Pelajar)

Kandungan

- Lebih 3,000 jam tutorial dalam talian
- 12 guru berpengalaman
- 2,000+ bahan pembelajaran eKelas dari nota, video ke lembaran kerja



Maxis eKelas

LAMPIRAN FAKTA

- 30+ video seminar UPSR, PT3 dan SPM
- 10,000 + eBook & 500 buku audio melalui kolaborasi dengan Perpustakaan Negara Malaysia

Penglibatan

- 100 peserta Kem Cuti Sekolah eKelas
- 400+ pelajar yang dilatih dalam kemahiran literasi digital selaras dengan program Klik Dengan Bijak SKMM
- 20+ sesi motivasi
- 2,500 jam sukarelawan oleh pekerja Maxis

Pengiktirafan

- Diiktiraf sebagai sebahagian daripada Highly Immersive Programme (HIP), Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Pemenang Terbaik dalam Tanggungjawab Sosial Korporat (Anugerah Penilaian Bintang MCMC 2016)
-